



Biasiswa Datuk Low Tuck Kwong RM50 juta, pelajar cemerlang B40 dipelawa mohon

Oleh **Mahani Ishak** - April 3, 2023 @ 6:20pm
mahani@bh.com.my



Dana biasiswa itu adalah tajaan Datuk Low Tuck Kwong iaitu seorang usahawan dan dermawan Indonesia.

KUALA LUMPUR: Pelajar cemerlang daripada keluarga kurang berkemampuan boleh memohon dana biasiswa Datuk Low Tuck Kwong untuk melanjutkan pengajian pra dan pasca siswazah di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Naib Canselor UNITEN, Profesor Ir Dr Noor Azuan Abu Osman, berkata dana biasiswa bernilai RM50 juta itu adalah tajaan Datuk Low Tuck Kwong iaitu seorang usahawan dan dermawan Indonesia.

"Dana berkenaan terbuka kepada pelajar cemerlang tempatan dan juga penuntut dari Indonesia yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pra dan pasca siswazah di UNITEN.

"Basiswa berkenaan meliputi bayaran yuran pengajian dan kos sara hidup bagi pemohon yang berjaya," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Terdahulu Noor Azuan hadir Majlis Ramah Mesra Datuk Low Tuck Kwong bersama pelajar yang berlangsung di Pejabat Canselori UNITEN.

Katanya, permohonan biasiswa itu terbuka kepada pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) atau O-Levels dengan sekurang-kurangnya 6A atau purata gred komulatif (CGPA) 3.75 dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Selain itu, pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang peringkat A-Levels, Asasi, International Baccalaureate, prauniversiti mahupun matrikulasi juga boleh memohon untuk dipertimbangkan mendapatkan kemudahan biasiswa berkenaan.

Tajaan pengajian itu mula ditawarkan tahun lalu dan sehingga kini, seramai 78 pelajar sudah menerima tawaran biasiswa itu.

Sementara itu, pelajar bagi program asasi kejuruteraan UNITEN, Fariz Faizal, 19, berkata beliau bersyukur memperoleh biasiswa itu.

"Saya bersyukur dengan biasiswa ini, saya dapat melanjutkan pengajian yang sebelum itu tergendala kerana tidak mempunyai sumber kewangan," katanya.

Bagi rakan sepengajiannya, J Vishnu Varma, berkata biasiswa itu membantu mengurangkan beban keluarganya.

"Dengan biasiswa ini, keluarga saya dari kumpulan B40 tak perlu terbeban dengan kos pengajian saya," katanya.

Untuk rekod, UNITEN menawarkan sebanyak 45 program pengajian prasiswazah dan pascasiswazah dengan kebolehpasaran para graduannya sebanyak 96.8 peratus.